

Pihak Insurans Skim Pampasan Pekerja Asing

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan melalui suatu cadangan dan pengisytiharan yang hendaklah dijadikan asas kontrak ini dan disifatkan telah digabungkan di dalam ini telah memohon kepada pihak **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (735426-V)** (kemudian dari ini dipanggil "Syarikat") untuk mendapatkan Insurans yang terkandung kemudian dari ini dan sebagai balasan bagi bayaran premium oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat.

Walaupun berdasarkan sebarang peruntukan di dalam Polisi ini, **asas kontrak** di atas adalah tidak terpakai kepada Pihak Diinsuranskan yang merupakan seorang individu yang membuat, mengubah atau memperbaharui kontrak insurans **sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan.**

DENGAN INI POLISI INI DISAKSIKAN bahawa bagi peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam Tempoh Insurans dan tertakluk pada terma-terma, batasan-batasan, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung di dalam ini atau dicatat-terakan ke atasnya yang dirujukan secara kolektif kemudian dari ini sebagai "Terma-Terma Polisi ini", Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan mengikut Terma-Terma yang disebutkan di beberapa bahagian Polisi ini.

Bahagian 1 - Insurans Pampasan Pekerja

Jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans ini mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan yang disebutkan dalam Jadual mengalami kecederaan diri sebab kemalangan atau penyakit yang timbul daripada dan berlaku pada masa beliau menjalankan kerjanya untuk Pihak Diinsuranskan dalam urusan Perniagaannya dan jika Pihak Diinsuranskan dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan ke atas kecederaan di bawah Undang-Undang yang dinyatakan dalam Polisi ini, tertakluk pada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung di dalam ini atau dicatat-terakan ke atasnya, Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan terhadap semua jumlah yang telah dipertanggungjawabkan ke atas Pihak Diinsuranskan itu disamping bertanggungjawab ke atas semua kos dan belanja yang ditanggung dengan izinnya untuk membela sebarang tuntutan bagi pampasan tersebut.

DISYARATKAN SEPERTI BIASA bahawa sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada Undang-Undang atau perundangan yang ada itu digantikan, maka bahagian ini akan kekal berkuat kuasa tetapi liabiliti Syarikat hendaklah dihadkan pada jumlah yang sama yang mungkin dipertanggungjawabkan keatas Syarikat untuk membayar jika Undang-Undang tadi kekal tidak berubah.

Undang-Undang

Seperti yang dipinda sehingga tarikh Polisi ini bermula.

Akta Pampasan Pekerja 1952
Akta (Pindaan) Pampasan Pekerja 1956
Akta (Pindaan) Pampasan Pekerja 1976
Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Pampasan Pekerja) (Perluasan Dan Pengubahsuaian) 1981
Akta (Pindaan) Pampasan Pekerja 1996
Perintah Pampasan Pekerja (Skim Pampasan Pekerja Asing) (Insurans) 1998
Perintah Pampasan Pekerja (Skim Pampasan Pekerja Asing) (Insurans) (Pindaan) (No. 2) 2002
Perintah Pampasan Pekerja (Skim Pampasan Pekerja Asing) (Insurans) (Pindaan) 2004
Perintah Pampasan Pekerja (Skim Pampasan Pekerja Asing)(Insurans) (Pindaan) 2005

serta sebarang pindaan berikutan pada Akta dan Enakmen yang dikuatkuasakan terdahulu sebelum tarikh dikeluarkan Polisi ini.

Syarat Khas Untuk Bahagian 1

Sekiranya berlaku kematian ke atas Pekerja Berinsurans itu yang diakibatkan oleh kecederaan diri sebab kemalangan semasa menjalankan pekerjaannya, syarikat akan membayar jumlah tambahan RM7,000.

Pengecualian Untuk Bahagian 1

Syarikat tidak dipertanggungjawabkan di bawah Bahagian ini bagi

- liabiliti Pihak Diinsuranskan ke atas para pekerja kontraktor Pihak Diinsuranskan mana-mana orang yang diambil
- bekerja yang bukan seorang "pekerja" mengikut tafsiran Undang-Undang

Pengendorsan Perluasan Liabiliti Common Law

Walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang bertentangan, adalah difahami dan dipersetujui bahawa tanggung rugi yang diadakan oleh Bahagian ini tidak akan termasuk Liabiliti Undang-Undang Common Law.

Bahagian 2 - Belanja Penghantaran Balik

Syarikat akan tertakluk pada terma-terma Bahagian ini menanggung rugi Pihak Diinsuranskan untuk belanja penghantaran balik (didefinisikan di bawah ini) yang ditanggung:

- jika dalam Tempoh Insurans ini, Orang Berinsurans itu mengalami kecederaan anggota yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya menyeluruh kekal;
- jika Orang Berinsurans itu meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh kekal dalam masa dua belas bulan kalendar dari masa kemalangan atau penyakit yang berlaku dalam Tempoh Insurans.

Definisi Untuk Bahagian 2

Belanja penghantaran balik hendaklah belanja sebenarnya yang ditanggung atau RM4,800 ataupun mana-mana yang lebih rendah bagi pengangkutan untuk menghantar balik Orang Berinsurans itu ke negara asalnya.

Bahagian 3 - Insurans Kemalangan Diri (Di Luar Waktu Bekerja)

Syarikat akan, tertakluk pada Terma-Terma bahagian ini, membayar kepada Orang Berinsurans itu atau wakil peribadi guamannya, bagi kecederaan diri yang dialami dalam sesuatu kemalangan yang berlaku dalam Tempoh Insurans dan di luar waktu bekerja Orang Berinsurans itu:-

- sejumlah wang RM23,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh kekal yang berlaku dalam masa dua belas (12) bulan dari masa kemalangan tersebut; dan/atau
- sejumlah wang berdasarkan jumlah pokok RM23,000 yang dikira menurut Jadual Pertama dalam Akta (Pindaan) Pampasan Pekerja 1996 bagi Hilang Upaya Sebahagian Kekal; dan/atau

- c) sejumlah wang yang dikira menurut Bahagian 8(e) dalam Akta Pampasan Pekerja 1952 bagi Hilang Upaya Sementara; dan/atau
- d) Belanja Perubatan menurut peruntukan-peruntukan dalam Akta Pampasan Pekerja 1952.

Had Wilayah: Malaysia

Peruntukan Khas Untuk Bahagian 3

1. Maksud "hilang" sebelah lengan/kaki atau anggota atau bahagian padanya ialah kehilangan fizikal sebenar secara terputus ataupun hilang guna menyeluruh dan kekal.
2. Keseluruhan jumlah yang boleh dibayar untuk Hilang Upaya Kekal bagi kecederaan pada lebih satu tempat di sebelah lengan/kaki atau anggota atau bahagian padanya di lengan/kaki itu hendaklah tidak melebihi jumlah yang boleh dibayar bagi kecederaan seumpama itu ke atas seluruh lengan/kaki atau anggota atau bahagian padanya.
3. Faedah maksimum yang boleh dibayar di bawah (a) dan (b) di atas ialah RM23,000.

Syarat Khas Untuk Bahagian 3

1. Insurans ini tidak sah bagi Orang Berinsurans yang telah mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.
2. Notis secara bertulis mestilah diberikan kepada Syarikat tentang sebarang kemalangan secara serta-merta jika ia mengakibatkan tuntutan di bawah Bahagian ini dalam masa sepuluh (10) hari selepas kejadian.

Semua laporan, sijil dan maklumat yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah diserahkan atas belanja Pihak Diinsuranskan itu sendiri dalam bentuk yang ditentukan oleh Syarikat. Orang Berinsurans itu hendaklah dari semasa ke semasa menghadirkan diri untuk pemeriksaan perubatan atas belanja Syarikat yang mungkin diperlukan apabila timbul sebarang tuntutan.

Dalam hal yang mengakibatkan kematian, jikalau timbul keraguan yang munasabah tentang punca kematian, seorang pengawal perubatan yang berkelayakan akan dilantik oleh Syarikat dan beliau hendaklah dibenarkan untuk membuat pemeriksaan bedah siasat ke atas mayat Orang Berinsurans itu atas tanggungan Syarikat.

3. Bagi tujuan Skim ini, Syarat Am 6 (Insurans-Insurans lain) tidak boleh dipakai untuk (a), (b) dan (c) di bawah seksyen ini.
4. Bahagian ini tidak boleh digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu dan semua bayaran daripada mana-mana Faedah di bawah Bahagian ini akan hanya diberikan kepada Orang Berinsurans itu atau wakil peribadinya dan kepada Pihak Diinsuranskan, manakala penerimaan faedah-faedah tersebut adalah suatu pelepasan kepada Syarikat.

Pengecualian Untuk Bahagian 3

1. Bayaran tidak akan diberikan di bawah Bahagian ini bagi kecederaan anggota yang diakibatkan oleh:
 - a) sebarang tindakan menyalahi undang-undang oleh Orang Berinsurans itu ataupun sengaja mendedahkan diri kepada bahaya (selain percubaan untuk menyelamat nyawa orang lain), membunuh diri atau percubaan untuk membunuh diri atau sengaja mencederakan diri sendiri.

- b) kesan dan pengaruh (sementara ataupun sebaliknya) alkohol atau dadah yang bukan dipreskripsikan oleh seorang pegawai perubatan yang berkelayakan, penyakit kelamin yang menular, tidak siaman ataupun AIDS.
- c) kehamilan atau kelahiran, keguguran atau pengguguran.
- d) memanjat tembok batu, mendaki gunung (yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu), menyelam, payung terjun, polo, lumba merentas halangan, memburu binatang besar ataupun memburu selain menggunakan kaki, sebarang jenis perlumbaan selain menggunakan kaki.
- e) penerbangan sebagai ahli krew udara atau di dalam sebarang pesawat udara bagi tujuan sebarang perdagangan atau kegiatan teknikal di dalam atau ke atas pesawat tersebut, ataupun penerbangan selain sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam sebarang pesawat udara berkuasa tenaga, diluluskan atau berdaftar secara sah yang dibina untuk membawa penumpang.
- f) menunggang motosikal, skuter bermotor, basikal berkayuh secara mekanikal (sama ada sebagai penunggang atau pembonceng) untuk bersukan, pameran, pertandingan atau sebarang tujuan lain yang berbentuk apa sekalipun.
- g) kerja-kerja yang dijalankan berkaitan dengan pekerjaan Orang Berinsurans itu dengan Pihak Diinsuranskan.

Pengecualian-Pengecualian Am

Syarikat tidak akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang Berinsurans itu terhadap:

1. sebarang tindakan tentang pampasan yang dibawa kemana-mana Mahkamah Undang-Undang di sebarang wilayah di luar Malaysia.
2. kecederaan anggota sebab kemalangan atau penyakit yang terjadi secara langsung atau tak langsung kerana atau berlaku melalui atau berbangkit daripada:-
 - a) perang, serangan, tindakan musuh asing, perseteruan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, dahagi atau perebutan kuasa, pemberontakan oleh tertera atau pihak awam;
 - b) orang atau orang-orang yang bertindak bagi pihak atau yang ada hubungan dengan sebarang pertubuhan dengan kegiatan-kegiatan yang ditujukan untuk menjatuhkan secara paksaan mana-mana kerajaan de jure atau de facto ataupun melalui pengaruh secara keganasan atau kekerasan.
3. sebarang kecederaan anggota sebab kemalangan atau penyakit yang disebabkan secara langsung atau timbul atau berbangkit daripada atau dihalakan oleh:-
 - a) sinaran pengionan atau pencemaran keradioaktifan daripada sebarang sisa nuklear atau pembakaran bahan nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses swapenahanan pembelahan nuklear.
 - b) bahan senjata-senjata nuklear.

Syarat-Syarat Am

1. Definisi

Tempoh Insurans bermaksud tempoh yang ditetapkan dalam Jadual bila mana Orang Berinsurans itu masih bekerja untuk Pihak Diinsuranskan atau sehingga tamat tempoh permit kerjanya, ataupun mana-mana yang lebih awal TETAPI INI TIDAK TERMASUK tempoh bila mana Orang Berinsurans itu pulang ke negara asalnya. Perlindungan akan terhenti dari masa beliau meninggalkan Malaysia dan kembali semula ke Malaysia. Had wilayah polisi ini adalah di dalam Malaysia sahaja.

2. Pentafsiran

Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak di mana sebarang kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang mempunyai maksud-maksud tertentu yang telah diselitkan di mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadualnya memang mempunyai maksud-maksud tertentu di mana sahaja ia terdapat.

3. Pelaksanaan

Liabiliti Syarikat yang dijadikan syarat ialah pelaksanaan Terma-terma Polisi ini oleh Pihak Diinsuranskan dan Orang Berinsurans itu.

4. Langkah Berjaga-jaga

Pihak Diinsuranskan dan Orang Berinsurans itu hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kemalangan dan penyakit.

5. Tatacara Tuntutan

- a) Apabila berlaku sebarang kerugian yang boleh menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah:-
 - i) melaporkan kemalangan tersebut serta-merta kepada Jabatan Buruh seperti yang disyaratkan di bawah Seksyen 13 (1) & (2) dalam Akta Pampasan Pekerja 1952.
 - ii) serta-merta memberi notis secara bertulis dalam masa 10 hari dari masa kemalangan itu kepada Syarikat dengan menyatakan tentang hal keadaan kemalangan dan jenis kecederaan yang dialami.
- b) Pampasan yang boleh dibayar seperti yang ditaksirkan oleh Pesuruhjaya menurut Akta hendaklah dibayar dalam masa tujuh (7) hari selepas Syarikat menerima taksiran tersebut.

6. Insurans-Insurans Lain

Jika semasa berlakunya sebarang kecederaan anggota atau liabiliti yang diinsuranskan dengan insurans ini terdapat juga insurans atau insurans-insurans lain yang masih berkuatkuasa, sama ada ia diambil oleh Pihak Diinsuranskan atau sesiapa sahaja yang lain yang melindungi kecederaan anggota atau liabiliti tadi, Syarikat tidak dipertanggungjawabkan untuk membayar atau menyumbangkan lebih daripada bahagian yang boleh dikadarkan untuk kecederaan anggota atau liabiliti itu.

7. Kewajipan Pendedahan

- (a) **Kontrak Insurans Pengguna**
Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Pihak Diinsuranskan memohon Insurans ini sepenuhnya **bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan**, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang Pihak Diinsuranskan ketahui ada berkaitan dengan keputusan Syarikat menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**
- (b) **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**
Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Pihak Diinsuranskan memohon Insurans **bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan**, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Pihak Diinsuranskan tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**
- (c) Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Syarikat dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

8. Kesan Cukai Barangan dan Perkhidmatan terhadap Penyelesaian Tuntutan

Penyelesaian Tuntutan

Syarikat akan membayar tuntutan Pihak Diinsuranskan termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan pada item bekalan yang dikenakan cukai, sehingga had Jumlah Diinsuranskan.

Sekiranya Pihak Diinsuranskan layak untuk membuat tuntutan bagi Kredit Cukai Input dan sekiranya Syarikat membuat bayaran di bawah polisi ini sebagai pampasan kepada Pihak Diinsuranskan, Syarikat akan mengurangkan jumlah bayaran dengan menolak Kelayakan Kredit Cukai Input Pihak Diinsuranskan tidak kira samada Pihak Diinsuranskan telah menuntut Kredit Cukai Input, tertakluk kepada had Jumlah Diinsuranskan.